

Syarikat milik kaum Cina ketepi graduan Melayu

Kajian UM bukti majikan rasis, amal diskriminasi

Kajian selama enam bulan oleh Dr Lee Hwok Aun dan Dr Muhammed Abdul Khalid (tahun 2013), pensyarah dari Universiti Malaya (UM) membuktikan bahawa kedudukan bangsa seseorang calon lebih diambil kira jika dibandingkan dengan kualiti kelayakan untuk dipanggil temu duga bagi mendapatkan pekerjaan dalam syarikat dimiliki kaum Cina dan syarikat antarabangsa yang jawatan pentingnya dikuasai oleh kaum Cina di negara ini.

Mulanya saya ragu dengan kajian ini. Maklumlah takut diserang. Saya mengambil inisiatif menelefon pengkaji itu untuk memastikannya. Alhamdulillah, kajian ini ternyata benar.

Menurut pensyarah itu, kajian itu dilakukan dengan menghantar resume kelayakan calon rekaan daripada kaum Melayu dan Cina yang mempunyai kelayakan yang hampir sama dan baru tamat universiti kepada mana-mana syarikat Cina yang mengiklankan kerja kosong.

Analisis jumlah panggilan untuk ditemuduga hasil daripada permohonan yang mereka hantar itu mendapati secara keseluruhan 22.1 peratus daripada pemohon Cina menerima panggilan untuk ditemuduga, berbanding dengan hanya 4.2

peratus pemohon Melayu yang dipanggil dengan kelayakan serupa.

Ternyata wujudnya diskriminasi terhadap graduan Melayu oleh majikan Cina. Kajian mendapati 24 peratus pemohon berbangsa Cina dipanggil untuk temu duga berbanding hanya 6.8 peratus pemohon Melayu diterima untuk temu duga bagi syarikat milik Cina. Kajian mereka mendapati hanya syarikat yang dimiliki Melayu tidak mengamalkan diskriminasi dan boleh menerima mana-mana calon, sama ada Melayu atau Cina. Kadar panggilan balik terhadap pemohon daripada graduan Cina adalah 6.8 peratus dan 4.8 peratus untuk graduan Melayu.

Syarikat antarabangsa yang jawatan tinggi dipegang oleh kaum Cina menunjukkan 22.9 peratus calon Cina dipanggil untuk temu duga, manakala tidak seorang pun calon Melayu menerima panggilan.

Calon IPTS diutama

Kajian Dr Lee dan rakkannya tidak membabitkan graduan dari luar negara. Bagaimanapun, penemuan mereka turut menunjukkan syarikat Cina lebih menerima calon dari universiti swasta berbanding universiti awam.

Dr Lee berkata, mustahil untuk mengetahui kenapa berlaku diskriminasi terhadap graduan Melayu kerana syarikat Cina dan calon Cina yang terabit tidak mahu membe-

rikan jawapan, hanya berkata: "Kami tidak diskriminasi, kami amalkan hak kesamarataan."

Menurut Dr Lee, kajian ini tidak diteruskan kerana takut implikasi bangsa Melayu yang tahu hakikat kaum Cina yang jelas mendiskriminasi Melayu, akan menimbulkan kemarahan bangsa Melayu terhadap sikap kaum Cina.

Adakah keputusan kajian ini tidak rasis? Siapa yang lebih terbuka? Siapa yang lebih rasis? Kajian ini

membuktikan apa yang saya perkatakan selama ini benar. Peliknya, kenapa sering saya dijadikan sasaran dan kutukan? Oh bangsaku!

"Syarikat yang dimiliki Melayu tidak mengamalkan diskriminasi dan boleh menerima mana-mana calon, sama ada Melayu atau Cina"

Alasan tak realistik

Saya amat mengharapkan kajian ini dapat membuka mata orang bukan Melayu. Alasan yang mengatakan orang Melayu tidak dipanggil kerana mereka sudah ramai berkhidmat dalam sektor awam amat tidak realistik dan sukar diterima.

Hari ini, sektor awam dibuka seluas-luasnya. Sehingga pengambilan jawatan konsta-bel polis tidak memerlukan bukan Melayu mendapat kredit dalam Bahasa Melayu (SPM) untuk melayakkan mereka memegang jawatan tersebut. Lagipun, memang sudah menjadi sifat orang Cina tidak mahu bekerja dengan sektor awam disebabkan oleh pakej gaji yang tidak menarik (rendah).

Inilah sifat ultra kiasu yang selalu saya rujuk dalam penulisan saya. Saya tidak melabelkan semua orang Cina tetapi hanya kepada mereka yang bersifat sebegini. Saya petik kata-kata saudara Faiz Naaman yang selalu dikecam kerana bersetuju dengan idea saya.

"Saya anti-Cina? Anti semua bangsa itu? Seriously? Jika saya kritik Cina atau apa bangsa pun, saya akan cuba spesifik kepada kelompok subset dalam golongan itu. Contohnya, apabila saya sebut Cina kafir (yang cenderung kepada harbi), bermakna Cina jenis itu sahajalah yang saya kecam, bukan Cina jenis lain seperti Cina Muslim atau Cina kafir Zimmi. Mereka yang sudah lama berada dalam akaun FB saya ini biasanya sudah faham dengan prinsip saya apabila mengkritik terutama apabila menyentuh golongan Cina kafir harbi, cauvinis."

Kata-kata ini ada kaitan dengan surat yang dituju kepada saya dan Abdullah Zaik (ISMA) oleh Shamil Norshidi, presiden Kelab UMNO US East Coast, tanggal 15 Mei tahun 2014, yang disiarkan laman web ultra kiasu. Tanpa usul periksa dan mengenali saya, Shamil menyerang dengan memetik kenyataan Gretchen Rubin dalam bukunya, *The Happiness Project*. Pada beliau, apa yang ada di negara kita hari ini sudah cukup cantik. Tidak perlu ada orang seperti saya atau ISMA yang sentiasa memberikan kritikan dan pandangan.

Saya minta beliau baca kajian ini. Nasihat saya, balikkah ke Malaysia, belajar adat budaya dan cara hidup di sini. Jangan terlalu obses dengan cara hidup Barat.

Sekadar mengambil kata-kata Rubin, tidak cukup kalau tidak ada input Islam dan sejarah Tanah Melayu.



Penulis

ialah Profesor Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu



**DR MOHD
RIDHUAN TEE
ABDULLAH**